

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS: Latest Tariff Announcement Adds to Uncertainty and US Retreat from Rules-Based Trade

Kuala Lumpur, 1 August 2025: The Institute of Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is concerned by the latest decision by the United States (US) government to impose a 19% tariff on Malaysian exports. Trump's latest executive order solidifies his illiberal and punitive international trade agenda, imposing additional tariffs of between 10% and 41% on a range of countries, including Malaysia.

While Malaysia's tariff rate of 19% is lower than the 25% initially outlined in President Trump's earlier announcement, the basis for this adjustment remains unclear. With implementation scheduled to take effect in just seven days, and no public disclosure of the concessions made during bilateral engagements, the announcement does little to alleviate the deepening uncertainty facing Malaysian exporters and international investors.

In addition to the headline tariffs, the announcement raises several concerns:

- The use of vague and undefined terms such as “transshipment” introduces legal and commercial uncertainty, particularly for firms operating within complex, integrated regional supply chains where goods may legitimately transit multiple countries, but now risk incurring a punitive 40% tariff
- The six-month review mechanism creates a state of continuous instability for traders and investors, risking long-term investment decisions
- Complex tariff treatment for goods in transit or storage, which adds to market disruption and casts doubts on the predictability of US trade enforcement

“While the 19% is lower than the 25% initially threatened in Trump's June letter, we still have no clarity on what concessions Malaysian negotiators provided to secure this outcome. The lack of transparency surrounding these unequal and needless negotiations is worrying. There are no winners from these tariffs. They create uncertainty, erode trust, and move global trade away from facilitative rules and governance, hurting Malaysian businesses and consumers alike,” said Dr Stewart Nixon, Deputy Research Director of IDEAS.

The absence of clear definitions, credible enforcement mechanisms, and any assessment of cross-sector impacts makes outcomes highly uncertain. Trade remains disrupted, and the investment environment in a state of crippling stasis. It is important that this announcement brings an end to the Washington distraction and that ASEAN leaders refocus on the urgent task of reinforcing ASEAN centrality, diversifying and deepening ties with countries that support free and fair trade.

[ENDS]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit think tank, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

IDEAS: Pengumuman Tarif Terbaharu Tambah Ketidaktentuan dan Penarikan Diri AS daripada Perdagangan Berasaskan Peraturan

Kuala Lumpur, 1 Ogos 2025: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menyatakan kebimbangan terhadap keputusan terbaharu kerajaan Amerika Syarikat (AS) untuk mengenakan tarif sebanyak 19% ke atas eksport Malaysia. Perintah eksekutif terkini oleh Presiden Trump mengukuhkan lagi agenda perdagangan antarabangsa beliau yang tidak liberal dan bersifat menghukum, dengan mengenakan tarif tambahan antara 10% hingga 41% terhadap pelbagai negara, termasuk Malaysia.

Walaupun kadar tarif 19% yang dikenakan ke atas Malaysia lebih rendah daripada kadar 25% yang diumumkan sebelum ini, asas bagi pelarasan ini masih tidak jelas. Pengumuman ini langsung tidak meredakan ketidaktentuan yang semakin meningkat bagi pengeksporn Malaysia dan pelabur antarabangsa, tambahan pula pelaksanaan dijadualkan dalam tempoh hanya tujuh hari sahaja lagi dan tiada pendedahan awam mengenai sebarang kompromi yang mungkin dicapai dalam rundingan dua hala.

Selain kadar tarif utama, pengumuman ini turut menimbulkan beberapa kebimbangan lain:

- Penggunaan istilah yang kabur dan tidak ditakrif dengan jelas seperti "*transshipment*" (penghantaran semula melalui pelbagai bentuk pengangkutan) menimbulkan ketidakpastian dari sudut undang-undang dan komersial, khususnya bagi syarikat yang beroperasi dalam rantai bekalan serantau yang kompleks dan bersepadu, di mana barangan secara sah boleh melalui beberapa negara, tetapi kini berisiko dikenakan tarif menghukum sebanyak 40%
- Mekanisme semakan setiap enam bulan mewujudkan keadaan ketidakstabilan berterusan bagi para pedagang dan pelabur, sekali gus menjejaskan keputusan pelaburan jangka panjang
- Layanan tarif yang rumit terhadap barangan yang sedang transit atau dalam penyimpanan, yang menambah gangguan pasaran dan menimbulkan keraguan terhadap kebolehmamalan penguatkuasaan perdagangan AS

“Walaupun kadar 19% ini lebih rendah daripada kadar 25% dalam surat ugutan awal Trump pada Jun lalu, kita masih tidak mendapat penjelasan mengenai sebarang kompromi yang telah diberikan oleh para perunding Malaysia untuk mendapatkan hasil ini. Kekurangan ketelusan dalam rundingan yang tidak seimbang dan tidak perlu ini amat membimbangkan. Tiada sesiapa yang menang daripada tarif ini. Ia mencetuskan ketidaktentuan, menghakis kepercayaan, dan mengalihkan perdagangan global daripada peraturan dan tadbir urus yang memudahkan, sekali gus merugikan perniagaan dan pengguna di Malaysia,” kata Dr Stewart Nixon, Timbalan Pengarah Penyelidikan IDEAS.

Ketiadaan takrifan yang jelas, mekanisme penguatkuasaan yang boleh dipercayai, serta sebarang penilaian terhadap kesan rentas sektor menjadikan hasil dasar ini amat tidak menentu. Perdagangan terus terganggu, dan persekitaran pelaburan berada dalam keadaan lumpuh. Adalah penting agar pengumuman ini menamatkan gangguan dari Washington dan supaya para pemimpin ASEAN memberi tumpuan semula kepada tugas mendesak untuk memperkukuh peranan pusat ASEAN, serta mempelbagaikan dan memperdalam hubungan dengan negara-negara yang menyokong perdagangan bebas dan adil.

TAMAT

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah badan pemikir bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my